

Syor Skim pampasan untuk pekerja

BH 30 JUL 2000

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersedia melaksanakan Skim Penamatan Perkhidmatan untuk membantu pekerja yang diberhentikan oleh syarikat yang menghadapi masalah mendapat pampasan sewajarnya, jika dipersetujui majikan yang diwakili Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika majikan tidak bersetuju dengan cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (MTUC) terhadap penubuhan tabung khas yang mana setiap pekerja akan menyumbang RM1 dan RM1 lagi sumbangan majikan, MEF boleh mengemukakan cadangan sendiri.

“Yang penting ialah kita perlu mewujudkan skim seumpama itu untuk pekerja yang diberhentikan oleh syarikat. Jika tidak mendapat pampasan daripada majikan, mereka akan mendapat bantuan daripada skim ini,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja di Stadium Putra Bukit Jalil dekat sini, semalam.

Sebelum ini, MEE Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) dan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (Mapa) membantah cadangan mewujudkan skim itu kerana ia dikatakan akan meningkatkan perbelanjaan operasi mereka.

Menurut mereka, skim seperti itu tidak perlu kerana pekerja su-

dah mendapat perlindungan secukupnya mengikut Akta Pekerjaan 1955.

Tahun lalu, Kabinet mengarahkan Kementerian Sumber Manusia mengkaji daya maju penubuhan tabung khas bagi menjamin pekerja dalam syarikat yang diisytiharkan muflis, mendapat pampasan.

Bagaimanapun, pada Julai tahun lalu, Menteri Sumber Manusia ketika itu, Datuk Lim Ah Lek berkata skim yang dicadangkan oleh MTUC ditangguhkan berikutan keadaan ekonomi bertambah baik dan penurunan mendadak dalam pemberhentian pekerja.

Dr Mahathir juga turut ditanya mengenai rasional di sebalik langkah kerajaan memperkenalkan Skim Penamatan Perkhidmatan sedangkan hampir 90 peratus pekerja yang diberhentikan, dibayar pampasan.

“Kita tahu perkara itu, tetapi ada pekerja yang diberhentikan, tidak dibayar pampasan. Ini kita kena fikir juga untuk orang yang tidak bernasib baik ini, bukan banyak yang kita minta, sedikit saja,” katanya.

Beliau berkata, majikan mungkin menerima cadangan jika kadar sumbangan untuk setiap pekerja dikurangkan.

“MEF membantahnya sebelum ini. Mungkin jika kita mengurangkan sedikit, mereka mungkin setuju. Saya harap mereka akan pertimbangkan. Bagi kerajaan, kita bersetuju dengan penubuhan skim seumpama itu,” katanya.